KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **27 OGOS 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: SELASA

TARIKH: 27/8/2024

M/SURAT: 15

# 2 beradik disyaki seleweng diesel nelayan ditahan



*Dua beradik pengusaha stesen minyak ditahan dipercayai terbabit sindiket seludup diesel dan merasuah penguat kuasa* (Foto Ihsan SPRM)

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) menahan reman dua beradik pengusaha stesen minyak di Sibu, Sarawak, dipercayai terbabit sindiket penyeludupan diesel bersubsidi dan merasuah pegawai penguat kuasa bagi mengelak dikenakan tindakan.

Majistret Ilmanurul Jonoi membenarkan suspek lelaki berusia lingkungan 40-an direman empat hari sehingga Khamis ini, manakala adik perempuannya berusia sekitar 30-an direman sehari sehingga hari ini selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Sibu, semalam.

Menurut sumber, dua beradik itu ditahan bersama dua lelaki serta seorang wanita dalam Op Liter yang dijalankan Bahagian Operasi Khas dan Skuad Taktikal Khas SPRM yang turut mendapat kerjasama pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di sebuah depoh simpanan diesel di Sungai Bidut, Sibu, kelmarin.

Bagaimanapun dua lelaki dan seorang wanita dibebaskan dengan jaminan SPRM semalam.

Sumber berkata, kelima-lima suspek dipercayai terbabit sindiket penjualan diesel bersubsidi bagi kegunaan nelayan, namun dijual pada harga lebih tinggi kepada pembeli dari luar negara.

"Sindiket ini dipercayai beroperasi sejak 2012 dan mengaut keuntungan sehingga RM400 juta.

"Mereka disyaki turut membayar rasuah kepada beberapa penguat kuasa sebuah agensi bagi mengelak dikenakan tindakan kerana menyimpan diesel tanpa permit sah," katanya.

Menerusi operasi itu, SPRM menyita dua tongkang dan 30 tangki simpanan minyak yang dipercayai mengandungi kira-kira 1.6 juta liter diesel.

Selain itu, SPRM turut menyita wang tunai kira-kira RM3.7 juta susulan tangkapan terhadap lima suspek berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap dua beradik berkenaan bersama dua lagi lelaki dan wanita dalam operasi kelmarin.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 16(1)(B) dan Seksyen 18 Akta SPRM 2009, selain Seksyen 471 Kanun Keseksaan serta Akta Kawalan Bekalan 1961.

Kelmarin, *BH* melaporkan SPRM menggempur sindiket penyeludupan diesel bersubsidi milik persatuan nelayan dan disyaki memberi rasuah kepada penguat kuasa di Sibu sebagai balasan menyembunyikan tindakan berkenaan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

HARI: SELASA
TARIKH: 27/8/2024
M/SURAT: 3

Sindiket penyeludupan minyak bersubsidi kaut untung RM400 juta sejak 2012

# Penguat kuasa mana tali barut diesel?

Oleh KOSMO!

**SIBU** – Kejayaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggempur sindiket penyeludupan minyak diesel bersubsidi di Sibu, Sarawak kelmarin membuka persoalan mengenai penglibatan pihak penguat kuasa lain sehingga penyeludup bebas beroperasi sejak 2012.

Berdasarkan serbuan yang dibuat, sindiket itu dipercayai merasuah pegawai penguat kuasa bagi mengelak dikenakan tindakan penguatkuasaan.

Untuk rekod, agensi yang menguatkuasakan dan dipertanggungjawab dalam mengawal sebarang aktiviti berkaitan minyak bersubsidi ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Terdahulu, dua beradik yang juga pengusaha stesen minyak direman bagi membantu siasatan penyeludupan diesel bersubsidi selain merasuah pegawai agensi penguat kuasa.

Majistret Romarul Jonol membenarkan suspek lelaki berusia 40-an itu direman selama empat hari sehingga Khamis ini.

Sementara itu, adik perempuannya yang berusia sekitar 30-an direman selama sehari di Mahkamah Majistret Sibu.

Menurut sumber, dua beradik itu ditahan bersama dua lagi lelaki serta seorang wanita dalam Ops Liter oleh Bahagian Operasi Khas dan Skuad Taktikal Khas SPRM.

Operasi itu turut mendapat kerjasama pegawai KPDN di sebuah depoh simpanan minyak diesel di Sungai Bidut di sini.

Katanya, kelima-lima suspek ini dipercayai terbabit dengan sindiket penjualan minyak diesel bersubsidi bagi kegunaan nelayan, namun dijual pada kadar harga lebih tinggi kepada pembeli dari luar negara.

"Sindiket ini dipercayai telah beroperasi sejak tahun 2012 dan mengaut keuntungan sehingga RM400 juta.

"Mereka disyaki turut membayar wang rasuah kepada beberapa penguat kuasa sebuah agensi penguat kuasa bagi mengelak dikenakan tindakan penguatkuasaan kerana menyimpan minyak diesel tanpa permit sah," katanya.

Menerusi operasi itu, SPRM telah menyita dua tongkang dan 30 tangki simpanan minyak yang dipercayai mengandungi kira-kira 1.6 juta liter minyak diesel.

Selain itu, SPRM turut menyita wang tunai kira-kira RM3.7 juta susulan tangkapan terhadap kelima-lima suspek berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap dua beradik berkenaan bersama dua lagi lelaki dan wanita dalam operasi diadakan semalam.

Bagaimanapun, dua lelaki dan seorang wanita terbabit dibebaskan dengan jaminan SPRM semalam.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 16(b)(ii) dan Seksyen 18 Akta SPRM 2009 selain Seksyen 471 Kanun Keseksaan serta Akta Kawalan Bekalan 1961.




ATAS: DUA beradik direman di Mahkamah Sibu semalam.



KANAN: ANTARA suspek yang ditahan dalam Ops Liter di Sibu.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: SELASA
TARIKH: 27/8/2024
M/SURAT: 1



WANG RM3.7 JUTA, BAHAN BAKAR RM1.6 JUTA LITER DISITA

# 'KARTEL' DIESEL KECUNDANG

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berjaya membongkar kegiatan menyeleweng diesel subsidi untuk nelayan di Sibu, Sarawak yang beroperasi sejak 2012 dengan mengaut keuntungan lebih RM400 juta. Lima suspek termasuk empat pengusaha stesen minyak ditahan untuk siasatan. lapor Raja Noraina Raja Rahim dan Muhaamad Hafis Nawawi

M§5

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: SELASA
TARIKH: 27/8/2024
M/SURAT: 5

GEMPUR SINDIKET SELUDUP DIESEL BERSUBSIDI DENGAN MERASUAH PENGUAT KUASA

# Dah kaut untung RM400 juta!

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
noraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sindiket penyeludupan diesel bersubsidi yang dipercayai menyeleweng bahan bakar milik persatuan nelayan serta membayar rasuah kepada penguat kuasa di Sibu, Sarawak digempur Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kelmarin.

Serbuan dijalankan oleh Bahagian Operasi Khas (BOK) dan Skuad Taktikal Khas SPRM di sebuah depoh penyimpanan minyak di Sungai Bidut sebelum menahan lima individu termasuk pengusaha stesen minyak.

Operasi dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyita dua tongkang serta beberapa tangki minyak mengandungi kira-kira 1.6 juta liter diesel.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, siasatan dan risikan dijalankan mendapati sindiket terbabit dipercayai sudah beroperasi sejak 2012.

Menurutnya, sindiket itu disyaki mengaut keuntungan sehingga RM400 juta dengan menjual diesel bersubsidi untuk kegunaan nelayan kepada pihak luar pada kadar harga tertentu.

"Sindiket itu dipercayai memindahkan diesel berkenaan daripada tangki yang dikhaskan untuk nelayan ke dalam tongkang yang berlabuh di depoh berkenaan.

"Minyak daripada tongkang kemudian dipindahkan ke kapal milik pembeli dari negara luar pada waktu malam bagi mengelak kegiatan mereka dihidu pihak berkuasa," katanya.

Azam berkata, dalam serbuan di depoh minyak memeriksa dua tongkang yang sedang berlabuh dan masing-masing sudah diisi dengan kira-kira 160,000 serta 100,000 liter diesel.

Menurutnya, pasukan turut menemui 30 tangki minyak yang dipercayai tidak mempunyai permit untuk menyimpan diesel terbabit.

"SPRM menahan lima individu membabitkan tiga lelaki dan dua wanita berusia 30 hingga 60-an di Pejabat SPRM Cawangan Sibu ketika keterangan mereka diambil kira-kira 4 petang (kelmarin).

"Mereka yang ditahan adalah empat pengusaha stesen minyak yang dipercayai menjadi dalang kegiatan penyeludupan diesel serta seorang 'orang tengah' yang dipercayai terbabit dalam urusan jual beli dengan pembeli luar.

"SPRM menyita wang tunai kira-kira RM3.7 juta, dua tongkang serta 30 tangki membabitkan kira-kira 1.6 juta liter diesel di depoh berkenaan. Kesemua sitaan minyak diesel diserahkan kepada KPDN bagi tujuan penjualan semula kepada pelesen sah," katanya.

Katanya, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 16(b)(B) dan Seksyen 18 Akta SPRM 2009, Seksyen 471 Kanun Keseksaan serta Akta Kawalan Bekalan 1961.





PASUKAN SPRM menggempur sindiket penyeludupan diesel bersubsidi dan merasuah penguat kuasa di sebuah depoh penyimpanan minyak di Sungai Bidut, Sarawak.

**INFO**

Sindiket terbabit dipercayai sudah beroperasi sejak 2012.

Sindiket itu disyaki mengaut keuntungan sehingga RM400 juta dengan menjual diesel bersubsidi.

SPRM menyita wang tunai kira-kira RM3.7 juta, dua tongkang serta 30 tangki membabitkan kira-kira 1.6 juta liter diesel di depoh penyimpanan minyak di Sungai Bidut, Sarawak.



TONGKANG yang berlabuh sudah diisi dengan kira-kira 160,000 serta 100,000 liter diesel.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: SELASA
TARIKH: 27/8/2024
M/SURAT: 14

# Dua pengusaha stesen minyak ditahan SPRM

## Dua beradik itu disyaki seleweng diesel, wang RM3.7 juta disita

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SIBU



Dua beradik direman SPRM di Mahkamah Majistret Sibu, pada Isnin.

Mahkamah & Jenayah

Dua beradik yang juga pengusaha stesen minyak dipercayai terlibat dalam sindiket seleweng diesel antara lima individu diberkas di sekitar Sungai Bidut di sini, pada Ahad.

Majistret Romaroi Jonoi kemudian membenarkan suspek lelaki berusia 40-an direman selama empat hari sehingga 29 Ogos, manakala adik perempuannya berusia 30-an direman selama satu hari selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Sibu, pada Isnin.

Menurut sumber, dua beradik itu turut ditahan bersama dua lagi lelaki serta seorang wanita dalam Op Liter yang dijalankan Bahagian Operasi Khas dan Skuad Taktikal Khas SPRM dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di sebuah depoh simpanan minyak diesel.

"Kelima-lima suspek ini dipercayai terbabit dengan sindiket penjualan minyak diesel bersubsidi bagi kegunaan nelayan, namun dijual pada kadar harga lebih tinggi kepada pembeli dari luar negara.

"Sindiket ini dipercayai beroperasi sejak tahun 2012 dan mengaut keuntungan sehingga RM400 juta," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Sumber berkata, suspek disyaki turut membayar wang rasuah kepada beberapa penguat kuasa sebuah agensi penguat kuasa bagi mengelak dikenakan tindakan penguatkuasaan kerana menyimpan minyak diesel tanpa permit yang sah.

Tambah sumber itu, menerusi operasi itu, SPRM telah menyita dua tongkang dan 30 tangki simpanan minyak yang dipercayai mengandungi kira-kira 1.6 juta liter minyak diesel.

"Selain itu, SPRM turut menyita wang tunai kira-kira RM3.7 juta susulan tangkapan terhadap kelima-lima suspek berkenaan," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan tangkapan lima suspek terbabit.

Di **MIRI**, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pihaknya akan menjalin kerjasama dengan SPRM untuk menangani ketirisan barang kawalan bersubsidi.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: SELASA
TARIKH: 27/8/2024
M/SURAT: 6

# Siblings remanded over RM400 mln diesel smuggling racket

Conny Banji

**SIBU:** The Magistrates' Court yesterday issued a remand order against two siblings operating a petrol station here for their alleged involvement in a subsidised diesel smuggling syndicate, and bribery of enforcement officials.

Magistrate Romario Jonoi granted the four-day remand application order against the male suspect, in his 40s, and one-day order against the man's sister, who is in her 30s.

Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) sources said the brother-sister pair was arrested along with three others – two men and a woman – at a diesel storage depot in Sungai Bidut, during a joint operation codenamed 'Op Liter' by the MACC and Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

According to the sources, the five suspects are believed to be part of a syndicate that misappropriated diesel meant for fishermen, which they sold at a higher price to buyers overseas.

"This syndicate is believed to have been operating since 2012, raking in profits of up to RM400 million.

"They are also suspected of paying bribes to enforcement officers to avoid action against them for storing diesel without a valid permit," the sources said.

During the operation, MACC seized approximately RM3.7 million in cash, two barges, and 30 oil storage tanks believed to contain approximately 1.6 million litres of diesel.

The other three suspects have been released on MACC bail.

MACC Special Operations Division senior director Datuk Azmi Kamaruzaman said the case is being investigated under Section 16(b)(B) and Section 18 of the MACC Act 2009, Section 471 of the Penal Code, and the Control of Supplies Act 1961.

Meanwhile, MACC Chief Commissioner Tan Sri Azam Baki in a statement late Sunday said through investigations by the MACC, it is believed the syndicate sold subsidised diesel meant for fishermen to external parties at a set price, with the fuel transferred from the storage tanks to barges moored at the depot.

"The diesel from these barges is then believed to be transferred to ships owned by buyers from foreign countries during the night to avoid detection by the authorities," he said.




Handout photo shows the suspects being led to the court by MACC officers.

SARAWAK HAPPENINGS

> This syndicate is believed to have been operating since 2012, raking in profits of up to RM400 million.
>
> MACC sources

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

HARI: SELASA
TARIKH: 27/8/2024
M/SURAT: 1

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

# Plugging RM400 mln subsidy leakage

## Siblings running Sibu petrol station remanded over diesel smuggling racket, bribing officers

Conny Banji & Jenifer Laeng

**SIBU:** The Magistrates' Court yesterday issued a remand order against two siblings operating a petrol station here over their alleged involvement in a subsidised diesel smuggling syndicate, and bribery of enforcement officials.

Magistrate Romario Jonni granted the four-day remand application order against the male suspect, in his 40s, and one-day order against the man's sister who is in her 30s.

Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) sources said the brother-sister pair was arrested along with three others – two men and a woman – at a diesel storage depot in Sungai Bidut, during a joint operation codenamed 'Op Litar' by the MACC and Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

According to the sources, the five suspects are believed to be part of a syndicate that misappropriated diesel meant for fishermen, which they sold at a higher price to buyers overseas.

"This syndicate is believed to have been operating since 2012, raking in profits of up to RM400 million. They are also suspected of paying bribes to enforcement officers to avoid action against them for storing diesel without a valid permit," the sources said.

During the operation, MACC seized approximately RM2.7 million in cash, two barges, and 30 oil storage tanks believed to contain approximately 1.6 million litres of diesel.



Handout photo shows the suspects being led to the court by MACC officers.

The other three suspects have been released on MACC bail.

MACC Special Operations Division senior director Datuk Azmi Kamaruzaman said the case is being investigated under Section 16(a)(B) and Section 23 of the MACC Act 2009, Section 471 of the Penal Code, and the Control of Supplies Act 1961.

In a statement issued late Sunday, MACC Chief Commissioner Tan Sri Azam Baki said through investigations by the MACC, it is believed the syndicate sold subsidised diesel meant for fishermen to external parties at a set price, with the fuel transferred from the storage tanks to barges moored at the depot.

"The diesel from these barges is then believed to be transferred to ships owned by buyers from foreign countries during the night to avoid detection by the authorities," he said.

Meanwhile, Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said KPDN will not compromise with any parties involved in smuggling or misappropriating government subsidies meant for the needy.

> This syndicate is believed to have been operating since 2012, raking in profits of up to RM400 million. They are also suspected of paying bribes to enforcement officers to avoid action against them..
>
> MACC sources

He said this is because the ministry does not want any parties sabotaging government agendas by profiting from activities that are against the law.

"With regards to a statement issued by the MACC related to a case in Sibu on the seizure of smuggled subsidised diesel, this matter also falls under KPDN's jurisdiction, which is the Control of Supplies Act 1961.

"I would like to point out here that KPDN will continue to enhance cooperation with relevant agencies, including MACC, the police and Marine Police, in our efforts to eradicate smuggling or leakage of subsidised goods including diesel," he told a press conference in Miri yesterday.

Describing the case in Sibu as 'major', Armizan assured that KPDN will cooperate with the MACC to ensure a thorough investigation and prosecution in court.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: SELASA
TARIKH: 27/8/2024
M/SURAT: 2

Home

# KPDN mulls proposal to allow Brunei-registered vehicles to purchase RON95 petrol in Sarawak

**MIRI:** The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) will consider the proposal to allow Brunei-registered vehicles to purchase subsidised RON95 petrol from petrol stations here.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said he would take the proposal to the Finance Ministry in an engagement session in the near future.

"We will look into this proposal by looking at certain data and at the same time take into account the supply of RON97 petrol in Sarawak, especially in Miri.

"We will also look into the focus areas of visitors or tourists from Brunei to determine whether there is a supply problem of RON97 in the areas," he told reporters after chairing a meeting with local leaders at the KPDN Miri office yesterday.

Armizan said there had been proposals for KPDN to consider allowing Brunei-registered vehicles to purchase RON95, and the current policy only allows all foreign-registered vehicles to refuel RON97 at all petrol stations in the state.

"The reason for this proposal is because the price of subsidised RON95 in Brunei is much cheaper compared to ours. Hence, there would be no issue of smuggling diesel," he said.



Armizan (seated centre) speaks to the press.

On another note, he said all foreign vehicles are allowed to fill up a maximum of 20 litres of petrol in Sarawak.

"However, if it's beyond a 30km radius, there is no restriction on the maximum amount of refueling, provided it is only filled into their vehicle's tank," he said.

Recently, a Brunei convoy taking part in an off-road event here had taken to social media saying they were having difficulties filling up diesel as petrol stations here refused to sell to foreign-registered vehicles.

Armizan explained it was a misunderstanding on the part of the petrol station's operators.

"There is actually no issue at all with regards to foreign vehicles not allowed to refuel diesel throughout Sarawak," he said.

Also present at the press conference were KPDN secretary-general Dato Sri Mohd Sayuthi Bakar, KPDN deputy secretary-general (User Empowerment and Management) Dato Zakaria Shaaban, KPDN director-general Datuk Azman Adam, Deputy Minister of Tourism, Creative Industry and Performing Arts Datuk Sebastian Ting, Miri MP Chiew Choon Man, and Miri mayor Adam Yii.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: SELASA
TARIKH: 27/8/2024
M/SURAT: 1

# Ewon, Armizan adakan Dialog Belanjawan 2025

**PENAMPANG:** Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bekerjasama mengadakan Dialog Belanjawan 2025.

Menteri KUSKOP Datuk Ewon Benedick berkata, ia merupakan inisiatif kementerian untuk mendengar pandangan dan cadangan daripada pemegang taruh dan pemain industri untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan.

"Terima kasih kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali kerana bersetuju mengadakan dialog bersama kementerian saya. Ini satu mesej bahawa kita sedia mendengar dan mengangkat pandangan rakyat," katanya ketika berucap pada sesi Dialog Belanjawan 2025 KUSKOP dan KPDN, di ITCC Penampang, di sini, kelmarin.



**ALBUM:** Ewon dan Armizan bersama merakamkan gambar kenangan bersama para tetamu yang hadir dalam majlis itu.

Ewon berkata, sebelum ini, sesi Dialog Belanjawan 2025 KUSKOP telah diadakan di Kuala Lumpur pada 6 Ogos, sesi libat urus bersama wakil persatuan-persatuan penjaja dan peniaga kecil di KUSKOP Putrajaya pada 19 Ogos dan melalui Mesyuarat Majlis Pembangunan Keusahawanan Nasional (MPKN) di Royale Chulan Hotel Kuala Lumpur pada 20 Ogos lalu.

"Dengan adanya idea dan input daripada pelbagai pihak, saya yakin kita dapat memperkemaskan strategi bagi mendapatkan hasil terbaik untuk rakyat menerusi Belanjawan 2025," katanya.

Katanya lagi, pada tahun ini menerusi Belanjawan 2024, hasil daripada sesi libat urus yang diadakan pada 7 September 2023, KUSKOP berjaya mendapatkan peruntukan khas bagi pelaksanaan Projek Pembangunan Tamu Desa di Sabah dan Sarawak.

"Sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan untuk Projek Pembangunan Tamu Desa di Sabah dan Sarawak yang sedang dilaksanakan ketika ini bagi menaik taraf atau membina baharu Tamu Desa," katanya.

Sesi Dialog ini disertai kira-kira 400 orang mewakili usahawan, penjaja, peniaga kecil, persatuan dan koperasi dari Sabah dan Sarawak.

Antara cadangan yang dikemukakan oleh para peserta ialah, tambahan peruntukan Projek Tamu Desa di Sabah dan Sarawak, pembiayaan Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP Plus) khusus untuk Sabah dan Sarawak diteruskan dan penambahbaikan program dan pembiayaan sedia ada untuk koperasi.

Turut hadir Ketua Setiausaha KUSKOP Datuk Seri Suriani Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha KUSKOP (Dasar dan Pemantauan) Datuk Zamri Salleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan KPDN Datuk Zakaria Shaaban, Pasukan Belanjawan 2025 Kementerian Kewangan Thiagu Vadivalu, ketua-ketua agensi dan pegawai-pegawai kanan KUSKOP dan KPDN.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: SELASA
TARIKH: 27/8/2024
M/SURAT: 7

# KPDN pertimbang cadangan membenarkan kenderaan Brunei beli petrol RON95 di Miri

MIRI: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mempertimbang cadangan membenarkan kenderaan bernombor pendaftaran Brunei membeli petrol RON95 bersubsidi dari stesen minyak di sini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata beliau akan membawa cadangan itu kepada Kementerian Kewangan dalam satu sesi perbincangan dalam masa terdekat.

"Kita akan memperhalusi cadangan ini dengan melihat data-data tertentu dan pada masa sama mengambil kira bekalan petrol RON97 di Sarawak khususnya di Miri.

"(Kita juga akan melihat) kawasan tumpuan pelawat atau pelancong dari Burnei untuk menentukan sama ada terdapat masalah bekalan RON97 di kawasan itu," katanya kepada pemberita semasa mempengerusikan mesyuarat bersama pemimpin tempatan di pejabat KPDN Miri semalam.

Menurut Armizan, terdapat cadangan KPDN mempertimbang membenarkan kenderaan dengan nombor pendaftaran Brunei membeli RON95.

Walhal katanya, polisi semasa hanya membenarkan semua kenderaan berdaftar asing mengisi minyak RON97 di semua stesen minyak seluruh negeri.

"Alasan (cadangan itu) adalah kerana harga subsidi RON95 di Brunei dijual pada harga jauh lebih murah berbanding kita.

"Justeru, tidak akan timbul isu penyeludupan diesel," jelasnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: SELASA
TARIKH: 27/8/2024
M/SURAT: 8

# KPDN tidak akan berkompromi dengan aktiviti penyeludupan dan penyelewengan

MIRI: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat aktiviti penyeludupan dan penyelewengan kerana ia dianggap sebagai satu usaha mensabotaj agenda kerajaan dalam pemberian subsidi kepada rakyat.

Justeri bagi tujuan itu, Menteri KPDN Datuk Armizan Mohd Ali menegaskan pihaknya akan bekerjasama rapat dengan agensi-agensi yang berkaitan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia dan Polis Marin dalam usaha membasmi penyeludupan dan penyelewengan barangan bersubsidi termasuk diesel.

"Kita tahu pemberian subsidi kepada rakyat, implikasinya cukup besar dan implikasi kewangan yang kerajaan terus berikan dengan objektif menangani isu kos sara hidup yang dihadapi oleh rakyat khususnya golongan yang memerlukan juga besar.

"Jadi, itu sebabnya kita tidak boleh berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat dengan kegiatan penyeludupan dengan menyeleweng subsidi yang diberikan kepada rakyat yang kita anggap sebagai satu usaha sabotaj kepada agenda kerajaan dalam pemberian subsidi kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Mengenai Perbincangan Bekalan Minyak Petrol RON97 Untuk Kenderaan Pelancong Brunei/ Indonesia di sini, semalam.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Datuk Sebastian Ting, Ahli Parlimen Miri Chiew Choon Man, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Miri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pujut Adam Yii dan Pengarah KPDN Sarawak Matthew Dominic Barin.

Oleh yang demikian menurut Armizan, kerajaan tidak mahu usaha yang dilakukan dengan memberi bantuan kepada rakyat dalam menangani isu kos sara hidup tidak mencapai sasaran dan matlamatnya kerana subsidi-subsidi itu mengalir kepada pihak yang tidak wajar termasuk diselewengpenyeludup untuk mendapatkan keuntungan dengan menjual kepada negara-negara yang menawarkan harga jauh lebih tinggi.

Sementara itu ketika menyentuh tentang kes serbuan dan rampasan diesel di Sibu kelmarin beliau berkata, pihaknya akan bekerjasama rapat dengan SPRM dalam membantu menjalankan siasatan terperinci berhubung kes tersebut.

"Siasatan kes diketuai oleh SPRM dan kita di KPDN akan terus memberikan kerjasama rapat kerana ia juga melibatkan bidang kuasa atau kawal selian KPDN di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"KPDN akan memberikan kerjasama rapat kepada SPRM untuk memastikan siasatan terperinci dapat dibuat untuk menentukan bahawa kes ini akan berakhir dengan pendakwaan di mahkamah kepada pihak-pihak yang terlibat dalam isu penyeludupan ini dan siasatan itu akan melibatkan semua rantaian sama ada penyeludupnya mahupun sumbernya," ulangnya.

Ini kerana katanya, kerajaan tidak mahu sindiket tersebut yang telah beroperasi sejak 2012 akan terus mengaut keuntungan atas angin yang banyak dan ini amat merugikan rakyat di Sarawak kerana subsidi yang diberikan kerajaan adalah untuk rakyat.

"Kita serahkan kepada SPRM untuk membuat kenyataan susulan berhubung kes ini kerana ada sebahagian sindiket ini masih sedang beroperasi," ujarnya.

Dalam kejadian kelmarin, SPRM telah menyerbu sebuah depoh penyimpanan minyak di Sungai Bidut, Sibu dan merampas 1.6 juta liter diesel.

Pada masa sama, mereka turut menahan lima individu terdiri daripada tiga lelaki dan dua wanita berusia 30 hingga 60-an dengan empat daripadanya merupakan pengusaha stesen minyak yang dipercayai menjadi dalang kegiatan penyeludupan minyak diesel serta seorang orang tengah yang dipercayai terbabit urusan jual beli dengan pembeli luar.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 27 OGOS 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 27-Aug | Sindiket seleweng diesel raih RM400 juta di Sibu, 5 individu direman | https://malaysiatribune.news/2024/08/26/sindiket-seleweng-diesel-raih-rm400-juta-di-sibu-5-individu-direman/ | MALAYSIA TRIBUNE |
| 27-Aug | Sindiket dipercayai kaut untung hingga RM400 juta sejak 2012 | https://www.sinarharian.com.my/article/682367/berita/semasa/sindiket-dipercayai-kaut-untung-hingga-rm400-juta-sejak-2012 | SINAR HARIAN |
| 27-Aug | 2 beradik direman terbabit sindiket seleweng diesel bersubsidi, raih untung RM400 juta | https://www.buletintv3.my/jenayah/dua-beradik-direman-disyaki-terbabit-sindiket-penyelewengan-diesel-bersubsidi-kaut-keuntungan-rm400-juta/ | BULETIN TV3 |
| 27-Aug | Sindiket diesel: 2 beradik direman, RM3.7 juta disita | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/08/1127162/sindiket-diesel-2-beradik-direman-rm37-juta-disita | HARIAN METRO |
| 27-Aug | MACC arrests five, seizes 1.6 mln litres of diesel, RM3.7 mln cash in Sibu | https://www.theborneopost.com/2024/08/26/macc-arrests-five-seizes-1-6-mln-litres-of-diesel-rm3-7-mln-cash-in-sibu/ | THE BORNEO POST |
| 27-Aug | SPRM tahan 5 individu, sita 1.6 juta liter diesel dan wang tunai RM3.7 juta | https://www.malaysiakini.com/news/716993 | MALAYSIA KINI |
| 27-Aug | MACC arrests five for diesel embezzlement, seize 1.6 million litres of diesel, RM3.7m cash | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/08/26/macc-arrests-five-for-diesel-embezzlement-seize-16-million-litres-of-diesel-rm37m-cash/148199 | MALAY MAIL |
| 27-Aug | JOM KIDS BAND TERIMA PENGIKTIRAFAN ASIA BOOK OF RECORDS | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2333353 | BERNAMA |
| 27-Aug | Tiada isu warga Brunei beli diesel di Sarawak | https://www.buletintv3.my/nasional/tiada-isu-warga-brunei-beli-diesel-di-sarawak/ | BULETIN TV3 |
| 27-Aug | Tiada isu rakyat Brunei beli diesel di Sarawak | https://malaysiagazette.com/2024/08/26/tiada-isu-rakyat-brunei-beli-diesel-di-sarawak/ | MALAYSIA GAZETTE |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 27-Aug | KPDN to discuss diesel, petrol access for Brunei vehicles in Sarawak with Ministry of Finance | https://dayakdaily.com/kpdn-to-discuss-diesel-petrol-access-for-brunei-vehicles-in-sarawak-with-ministry-of-finance/ | DAYAK DAILY |
| 27-Aug | Armizan clarifies subsidised diesel purchase rules for Brunei vehicles in Sarawak | https://www.theedgemalaysia.com/node/724274 | THE EDGE MALAYSIA |
| 27-Aug | TIADA ISU WARGA BRUNEI BELI DIESEL DI SARAWAK | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2333529 | BERNAMA |
| 27-Aug | 5.8 juta diesel dirampas di seluruh Malaysia | https://www.tvsarawak.my/2024/08/26/5-8-juta-diesel-dirampas-di-seluruh-sarawak/ | TV SARAWAK |
| 27-Aug | KPDN intensifies cooperation with agencies and public to combat subsidiesed goods leakage | https://dayakdaily.com/kpdn-intensifies-cooperation-with-agencies-and-public-to-combat-subsidised-goods-leakage/ | DAYAK DAILY |
| 27-Aug | Dua beradik disyaki terbabit sindiket seludup diesel, rasuah penguat kuasa direman | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1290242/dua-beradik-disyaki-terbabit-sindiket-seludup-diesel-rasuah-penguat-kuasa | BERITA HARIAN |
| 27-Aug | Siblings remanded over diesel smuggling syndicate in Sibu | https://www.theborneopost.com/2024/08/26/siblings-remanded-over-diesel-smuggling-syndicate-in-sibu/ | THE BORNEO POST |
| 27-Aug | Lima termasuk dua beradik ditahan disyaki seleweng diesel subsidi nelayan | https://www.sinarharian.com.my/article/682400/berita/semasa/lima-termasuk-dua-beradik-ditahan-disyaki-seleweng-diesel-subsidi-nelayan | SINAR HARIAN |
| 27-Aug | Dua beradik direman, disyaki terbabit seleweng diesel subsidi nelayan | https://www.tvsarawak.my/2024/08/26/dua-beradik-direman-disyaki-terbabit-seleweng-diesel-subsidi-nelayan/ | TV SARAWAK |
| 27-Aug | Dua beradik antara ditahan seleweng subsidi diesel nelayan RM400 juta | https://selangorkini.my/2024/08/dua-beradik-antara-ditahan-seleweng-subsidi-diesel-nelayan-rm400-juta/ | SELANGOR KINI |
| 27-Aug | SPRM TAHAN LIMA TERMASUK DUA BERADIK SELEWENG DIESEL SUBSIDI NELAYAN | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2333509 | BERNAMA |
| 27-Aug | Tauke stesen minyak kaut RM400juta seleweng diesel, suap penguat kuasa | https://www.kosmo.com.my/2024/08/26/sindiket-diesel-kaut-untung-rm400-juta-sejak-2012-dua-beradik-direman/ | KOSMO |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT